NAMA: TINGKATAN:

# LATIHAN KATA HUBUNG

Kata hubung ialah perkataan yang digunakan untuk menggabungkan kata, frasa dan ayat.
连词是用来连接词语、短语和句子的词。

| Kata hubung | Penggunaan | Contoh ayat |
|---|---|---|
| dan<br>和 | Menggabungkan dua benda yang sama dan setara.<br>连接两样相同的东西。 | Abu dan adiknya berjalan kaki ke sekolah. |
| atau<br>或 | Menunjukkan pilihan.<br>表示供选择。 | Kamu suka warna biru atau hijau? |
| sambil<br>一面 | Menunjukkan dua aktiviti yang dilakukan serentak.<br>表示同时进行两种活动。 | Abang menunggang basikal sambil bersiul-siul. |
| kerana<br>因为 | Menunjukkan sebab.<br>表示原因。 | Kaki Siti bengkak kerana digigit semut. |
| tetapi<br>但是 | Menunjukkan sesuatu yang berlawanan.<br>表示相反的事情。 | Orang itu kaya tetapi kedekut. |
| lalu<br>接着 | Menunjukkan perbuatan yang dilakukan berturut-turut.<br>表示连续进行的动作。 | Dia mengutip sampah lalu membuangnya ke dalam tong sampah. |

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah.

1. Kemalangan itu melibatkan sebuah motosikal ______ sebuah lori.
A atau
B hingga
C dan
D kecuali

2. Kakinya bengkak _____ disengat oleh seekor lebah.
A kerana
B agar
C tetapi
D kalau

3. Shaurah membuat laporan polis ______ mendapati kad pengenalannya hilang.
A sebelum
B setelah
C sungguhpun
D kecuali

4. Puan Murni bukan sahaja tekun bekerja ______ dia juga seorang suri rumah tangga yang baik.
A malahan
B dan
C bahawa
D kerana

5. Klinik Muslimah beroperasi 18 jam setiap hari _____ hari Ahad.
A kecuali
B atau
C dan
D selepas

6. Pekerja bengkel itu sedang membaiki kereta _____ pengurusnya sedang melayan pelanggan.
A bahawa
B manakala
C atau
D sambil

7. Mesyuarat tergempar itu berlanjutan ______ ke tengah malam. A selepas
B sebelum
C lalu
D hingga

8. Pokok itu tumbang _____ hujan turun dengan lebat.
A melainkan
B semasa
C seraya
D agar

9. Nabil minum empat gelas air _____ terlalu dahaga.
A meskipun
B tetapi
C kerana
D supaya

10. Banjir ______ gempa bumi merupakan bencana alam yang sering berlaku di sesetengah negara.
A seraya
B dan
C hingga
D kecuali

LIVEWORKSHEETS